

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HHA 101 - Pengantar Seni Halus

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab SEMUA soalan.

Jawab dengan jelas, tepat dan ringkas.

Perhatikan dengan teliti karya-karya yang ditayangkan. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berhubungan dengan karya berkenaan. Sila ambil perhatian bahawa tidak kesemua soalan diiringi dengan maklumat mengenai karya.

Setiap slaid akan ditayangkan selama 7 minit dan akan diulangtayang selama 3 minit lagi selepas semua slaid telah ditayangkan sekali.

Had maksimum penulisan bagi tiap-tiap karya ialah 2 (DUA) muka surat. JANGAN MELEBIHINYA. Kesemua soalan memberi markah yang sama.

Berikut ialah soalan-soalan menurut susunan tayangan slaid: yakni, soalan nombor 1 ialah untuk tayangan slaid pertama, dan seterusnya.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Pelukis : Yeooh Jin Leng
- Tajuk : Sawah Padi
- Tahun : 1963
- Bahantara : Cat Minyak

Apakah yang boleh anda tafsirkan tentang sikap pelukis terhadap sawah padi daripada lukisan ini?

2. Apakah yang anda fahami daripada poster ini?

.../2

3. Karya yang ditayangkan ialah sebuah lukisan dari negara China.

Tajuk : Kolam Ikan Kegunaan Bersama
Tahun : 1973

"Ikan adalah di antara makanan utama bukan sahaja kepada penduduk-penduduk perkampungan di pantai (negara China), tetapi juga kepada masyarakat dalaman luar bandar yang bergantung kepada ikan sebagai makanan tambahan. Masyarakat dalaman ini mempergunakan sistem-sistem perairan sungai yang luas di tanah besar China untuk membentuk kolam-kolam ikan untuk bekalan ikan mereka." (Steward E. Fraser, 100 Great Chinese Posters, Images Graphiques, New York, 1977, m.s. 9).

Lihat karya ini. Pada pendapat anda, apakah yang ingin disampaikan oleh pelukis?

4. Pada pandangan anda, kenapakah pelukis melukis pohon-pohon nipah begini rupa?

Pelukis : Tay Mo-Leong
Tajuk : Nipah
Tahun : 1986
Bahantara : Batik

5. Pada pendapat anda, adakah lukisan ini sebuah karya seni yang baik? Kenapa?

6. Pelukis : Mohd. Hoessein Enas
Tajuk : Perempuan Dua-Beradik
Tahun : 1963
Koleksi : Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur

Mohd. Hoessein Enas menubuhkan "Angkatan Pelukis Semenanjung" pada tahun 1957, dan ahli-ahli kesatuan ini semuanya adalah pelukis-pelukis yang mendapat pendidikan sekolah Melayu. Pada pendapat seorang penulis barat, Dolores Wharton, lukisan Hoessein mengandungi mesej "untuk memperlihatkan orang-orang Melayu kepada dunia sebagai orang-orang keturunan Asia yang cantik dan bersopan santun serta menghormati warisan kebudayaannya lebih daripada hal-hal lain."

Apakah pendapat anda terhadap lukisan ini?

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HIA 101 - Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam TIGA (3) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan. SATU (1) soalan daripada Bahagian A dan TIGA (3) soalan daripada Bahagian B

Jawapan-jawapan daripada setiap Bahagian hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang berasingan.

Kesemua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawap SATU (1) soalan sahaja

SAMA ADA

1. Ahli-ahli fikir berpendapat bahawa beragama merupakan suatu fenomena yang tidak pernah terpisah dari kehidupan manusia.

(a) Sejauh manakah kebenaran kenyataan di atas dalam kontek hubungan di antara agama dengan fitrah manusia jika diaplikasikan kepada:

- i. orang-orang yang beragama,
- ii. orang-orang yang tidak beragama.

(b) Terangkan definisi agama dan fitrah.

(c) Kesesuaian Islam sebagai suatu cara hidup dengan kehendak-kehendak fitrah manusia.

ATAU

2. Islam sebagai Din dan al-Din mempunyai tatacaranya yang tersendiri.

(a) Sejauh manakah kefahaman anda terhadap pengertian istilah Din dan al-Din berpandukan pemakaian istilah ini oleh al-Qur'an dan al-Sunnah?

- (b) Terangkan definisi Islam dan 'aqidah.
- (c) Akhlak merupakan sebahagian daripada tatacara agama Islam, bagaimanakah hubungannya dengan 'aqidah dan syari'ah jika diaplikasikannya sebagai suatu cara hidup.

BAHAGIAN B - Jawab TIGA (3) soalan
SOALAN NO. 3 MESTI dijawab

- 3. Syari'at Islam yang telah di wahyukan oleh Allah s.w.t. kepada Rasul Allah s.a.w. mengandungi pelbagai aspek kehidupan, menyentoh soal-soal hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesamanya. Untuk itu Nabi Muhammad s.a.w. telah dikurniakan kitab al-Qur'an untuk menjadi panduan hidup umatnya. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan empat (4) di antara perkara-perkara berikut:
 - (a) Al-Qur'an mengandungi pelbagai pengajaran dan pendidikan yang bersifat umum, segala perintah dan larangan Allah perlu dihuraikan oleh Rasul Allah s.a.w. yang kemudiannya disebut sebagai al-Sunnah.
 - (b) Kenapa umat Islam berhajat kepada al-Sunnah dan bagaimana isi kandongannya berkembang sehingga mencapai suatu tahap yang penting sebagai sumber hukum Islam yang utama selepas al-Qur'an.
 - (c) Ijma' Ulama' adalah salah satu sumber hukum Islam, apakah yang dapat anda fahami tentang fungsinya sebagai sumber hukum Islam sesudah al-Qur'an dan al-Sunnah.
 - (d) Di dalam al-Qur'an terdapat pelbagai kisah yang menggambarkan kekuasaan dan kebesaran Allah Azzawajalla, disamping itu mengandungi hukum hakam yang bersifat umum. Bagaimana ia difahami oleh generasi kedua dalam sejarah umat Islam.
 - (e) Jelaskan Iman, Islam dan Ihsan dalam kontek kesepaduan Din al-Islam.
- 4. Perkahwinan dalam Islam mengandungi pelbagai fungsi yang bersifat sosial antara suami isteri, malahan Islam telah meletakkan garis panduan yang sesuai dengan fitrahnya masing-masing. Berdasarkan ini bincangkan dua sahaja perkara-perkara berikut:
 - (a) Perkahwinan yang berteraskan iman dan bukan kerana harta dan rupa paras yang cantik semata-mata.

- (b) Lima (5) pakar yang wajib diamalkan oleh suami-isteri dalam institusi keluarga Islam.
- (c) Apakah peranan isteri dalam kekeluargaan Islam
5. Aurat wanita Islam adalah sebahagian daripada perintah Allah yang mempunyai hubungan rapat dengan ibadah. Bincangkan pesoalan di bawah berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah.
- (a) Aurat wanita Islam (merdeka dan hamba) dalam Solah.
- (b) Aurat wanita Islam (merdeka) ketika di dalam majlis-majlis 'am.
- (c) 'Aurat wanita Islam (merdeka) ketika bersama suami dan mereka yang disebut muhram.
6. Bincangkan perkara-perkara berikut:
- (a) Tuntutan fardu kifayah di dalam ajaran Islam.
- (b) Antara bidang fardu kifayah yang penting ialah:
- i. Pendidikan,
 - ii. Ekonomi,
 - iii. Politik.

-ooooO000oo-